

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



● **DATUK Seri Dr Mahathir** (kiri) begitu serius meneliti model ibu pejabat PNB 42 tingkat itu. Ia dijangka siap 10 bulan lagi.

Bangunan berharga \$152 juta mempunyai unsur senireka Melayu, terutama di bahagian depan tingkat bawahnya.

Tumpuan serius dari PM

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan beliau berpuas hati dengan kelancaran pembinaan ibu pejabat Permodalan Nasional Berhad (PNB) di Jalan Tun Abdul Razak.

Perdana Menteri menemui para pemberita selepas melakukan acara 'topping up' di tapak bangunan berharga \$152 juta itu.

Bangunan 42 tingkat itu dibina oleh kontraktor Jepun Shimizu Construction Co Ltd. Pembinaannya dijadualkan memakan masa 30 bulan, mulai Januari tahun lalu.

Turut hadir di upacara itu ialah Pengerusi PNB Tun Ismail Ali, Gabenor Bank Negara Datuk Abdul Aziz Taha dan Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan Datuk Yahya Abdul Wahab.

Arkitek bangunan Nik Mohamad Mahmod memberi penerangan mengenai kepesatan pembinaan. Menurutnya bangunan itu dijangka siap 10 bulan lagi memandangkan pembinaan setakat ini mengikut jadual.

Datuk Seri Dr Mahathir kemudian dibawa dengan lif sementara ke tingkat paling atas untuk meninjau pembinaan itu.